



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1993

BAYARAN INSENTIF PEGAWAI KESIHATAN AWAM

TUJUAN

1.1. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan meminda kadar Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam (BIPKA) yang diperuntukkan di dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1990](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9.Tahun 1991](#).

KADAR BARU BAYARAN INSENTIF

PEGAWAI KESIHATAN AWAM

2.1. Kerajaan telah menyemak semula kadar dan kaedah pembayaran BIPKA dan bersetuju kepada kadar dan kaedah pembayaran seperti berikut:

Gred JKK	Sistem Saraan Baru			Kadar Sebulan (RM)
	Gred	Kategori	Gaji (RM)	
Tingkatan Biasa (A14/A15)	U3	IV	2,403.00 ke bawah	840.00
Tingkatan Kanan (A11)	U3	IV	2,404.00 ke atas	910.00
Tingkatan Tertinggi 'G' (A10)	U2	II	3,272.00 ke bawah	1,050.00
Tingkatan Tertinggi 'F' (A09)	U2	II	3,273.00 ke atas	1,190.00
Tingkatan Tertinggi 'E' (A08)	U1	I	3,564.00 hingga 3,871.00	1,330.00
Tingkatan Tertinggi 'D' (A07)	U1	I	3,872.00 ke atas	1,540.00
Tingkatan Tertinggi 'C' dan ke atas (A06)	Gred Utama/ Khas dan Ke atas	-	-	1,680.00

SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

3.1 BIPKA adalah dibayar kepada Pegawai Perubatan yang telah memperoleh kelulusan lepasan ijazah dalam bidang Diploma Kesihatan Awam (DPH) atau Sarjana Kesihatan Awam (MPH) atau kelulusan-kelulusan lain berkenaan yang diiktiraf setaraf dengan DPH/MPH. Senarai kelulusan-kelulusan yang diiktiraf itu adalah seperti di [Lampiran A](#).

3.2 Pegawai Perubatan yang tidak memiliki kelulusan lepasan ijazah yang diiktiraf di dalam bidang kesihatan awam tetapi diwartakan sebagai Pegawai Kesihatan Awam dan bertugas dalam jawatan bidang kesihatan awam berkecualan dibayar BIPKA atas kadar RM250.00 sebulan.

3.3 BIPKA boleh terus dibayar apabila seseorang pegawai itu bercuti bergaji penuh. Jika pegawai bercuti setengah gaji, maka pegawai hanya layak dibayar setengah daripada kadar BIPKA yang ditetapkan. Selanjutnya jika pegawai bercuti tanpa gaji maka BIPKA tidak akan dibayar.

3.4. Pegawai yang ditahan kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib dan dibenarkan menerima setengah atau sebahagian daripada gaji bulanannya, akan dibayar sebahagian daripada kadar BIPKA yang dilayakinya mengikut peratusan yang sama dengan pengiraan gaji pokoknya. Sekiranya pegawai dikenakan hukuman tatatertib supaya gaji atau pangkatnya diturunkan maka pegawai hanya layak dibayar BIPKA mengikut kadar bayaran bagi gaji atau pangkat yang diterima selepas diturunkan gaji atau pangkat itu.

3.5. Kadar baru BIPKA hanya dibayar kepada Pegawai-pegawai Perubatan yang layak dan masih berkhidmat pada **28 April 1993**. Pegawai-pegawai yang layak dan telah bersara antara tarikh 1 Januari 1990 hingga 28 April 1993 juga boleh dibayar kadar baru ini.

PEMBATALAN

4.1. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, syarat-syarat pembayaran BIPKA di perenggan 5 dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1990](#) dan kadar BIPKA di perenggan 6 [Lampiran D6 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991](#) adalah dibatalkan.

TARIKH KUATKUASA

5.1. Kadar-kadar baru ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1990.

PEMAKAIAN

6.1. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling ini dipanjangkan kepada Perkhidmatan-perkhidmatan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL SALAM)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

20 November 1993.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan.

LAMPIRAN A

**SENARAI IJAZAH-IJAZAH LANJUTAN YANG
DIIKTIRAFKAN SEBAGAI KELULUSAN-KELULUSAN
YANG LAYAK MENDAPAT BAYARAN INSENTIF
PEGAWAI KESIHATAN AWAM**

KESIHATAN AWAM

1. Diploma Public Health (Sydney)
2. Diploma Public Health (Singapore)
3. Diploma Public Health (London)
4. Diploma Public Health (Edinburgh)
5. Diploma Public Health (Liverpool)
6. Diploma Public Health (Toronto)
7. Diploma Public Health (Bristol)
8. Diploma Public Health (Glasgow)
9. Diploma Public Health (U.S.A)

10. Diploma Industrial Health (Singapore)
11. Diploma Industrial Health (London)
12. Diploma Industrial Health (Edinburgh)
13. Diploma Industrial Health (Liverpool)
14. Diploma in Medical Rehabilitation, Royal College of Physicians (London)
15. Master of Public Health (Malaya)
16. Sarjana Perubatan Kesihatan Masyarakat (UKM)
17. Master of Public Health (Singapore)
18. Master of Public Health, University of Philippines, Manila
19. Master of Public Health (Antwerpen)
20. Master of Science in Occupational Medicine (Singapore)
21. Master of Medicine (Occupational Medicine/Public Health) Singapore (selepas 1990)
22. Master of Science in Community Medicine (Edinburgh)
23. Master of Science in Community Health in Developing Countries (London)
24. Master of Public Health (M.P.H) dari Schools of Public Health yang diiktirafkan oleh *American Public Health Association* seperti berikut:-

- (a) University of California, School Of Public Health Earl Warren Hall, Berkeley, California 94720.
- (b) University of California at Los Angeles, School of Public Health, Los Angeles, California 90024.
- (c) Columbia University, School of Public Health and Administrative Medicine, 600 West 168th Street, New York, New York 10032.
- (d) Harvard University, School of Public Health, 55, Shattuck Street, Boston, Massachusetts 02115.
- (e) Johns Hopkins University, School of Hygiene and Public Health, 615 North Wolfe Street, Baltimore, Maryland 21205.
- (f) University of Hawaii, School of Public Health, 2540, Mail Way, Honolulu, Hawaii 96822.
- (g) Loma Linda University, School of Public Health, Loma Linda California 92354.
- (h) University of Michigan, School of Public Health, Ann Arbor Michigan 48104.
- (i) University of Minnesota, School of Public Health, 1325 Maye Memorial Building, Minneapolis, Minnesota 55455.
- (j) University of North Caroline, School of Public Health, Chapel Hill,

North Caroline 27575.

- (k) University of Oklahoma, School of Public Health, 800 Northeast Thirteenth Street, Oldahoma City, Oklahoma 73104.
 - (l) University of Pittsburgh, Graduate School of Public Health, Pittsburgh, Pennsylvania 15213
 - (m) The University of Texas, School of Public Health at Houston, Texas, Medical Centre, P.O. Box 20186, Astrodome Station, Houston, Texas 77025.
 - (n) University of Toronto, School of Hygiene, Toronto 5, Ontario, Canada.
 - (o) Tulane University, School of Public Health and Tropical Medicine, 1430 Tulane Avenue, New Orleans, Louisiana 70112.
 - (p) Yale University, Department of Epidemiology and Public Health School of Medicine, 60, College Street, New Haven, Connecticut 06510.
25. Master of Science (Medical Demography) (London) dengan syarat mempunyai ijazah asas M.B.B.S.